

Ruj. Kami : MQA.100-1/7/1 Jld.3( 10 )

Tarikh : 24 Disember 2020

**KEPADA SEMUA PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI (PPT)**

Tuan/Puan,

**PEKELILING MQA BIL. 4/2020**

**PENGUNAAN STANDARD PROGRAM: PENGAJIAN HALAL**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Agensi Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Agency, MQA) telah berkolaborasi dengan *Halal Development Corporation Berhad* (HDC) untuk membangunkan dokumen jaminan kualiti, Standard Program: Pengajian Halal (Programme Standards: Halal Studies).
3. Standard program ini berpandukan kepada tujuh bidang jaminan kualiti di Malaysia serta menepati kehendak dan keperluan Kerangka Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Framework, MQF).
4. Standard program ini menggariskan standard minimum pelbagai keperluan khusus bagi program berkaitan halal sebagai rujukan kepada Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) dalam penawaran dan jaminan kualiti program pengajian di Malaysia. Dokumen ini akan turut digunakan oleh pegawai dan ahli panel penilai MQA dalam penilaian akreditasi program berkaitan halal. Pengamalan proses jaminan kualiti yang tepat, teratur, konsisten dan berpandukan standard program dapat menghasilkan graduan program berkaitan halal yang berkualiti.
5. Sehubungan itu, PPT yang menawarkan program berkaitan halal adalah tertakluk kepada penggunaan standard program ini dalam penyediaan dokumen permohonan Akreditasi Sementara dan Akreditasi Penuh. Sekiranya terdapat perbezaan antara standard program ini dengan standard program yang lebih khusus atau dengan syarat terdahulu yang ditetapkan oleh MQA atau Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), maka standard yang lebih tinggi adalah terpakai.
6. Standard program ini perlu dibaca bersama dengan dokumen MQF, Kod Amalan Akreditasi MQA yang berkaitan serta dasar dan ketetapan jaminan kualiti pendidikan tinggi semasa. Walau bagaimanapun, PPT boleh membuat penambahan elemen-elemen lain yang bersesuaian selaras dengan aspirasi institusi serta keperluan nasional dan antarabangsa.

7. Pelaksanaan dan pematuhan terhadap Standard Program: Pengajian Halal adalah seperti berikut:

| BIL. | TARIKH                                         | PERKARA                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                    |
|------|------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1.   | 1 Januari 2021<br>sehingga<br>31 Disember 2021 | <p>Tempoh transisi bagi semua <b>program yang telah mendapat Akreditasi Sementara dan Akreditasi Penuh</b> untuk mematuhi standard program.</p> <p>Nota:<br/>Kohort pelajar yang diambil <u>selepas tempoh transisi</u> tamat perlu mengguna pakai kurikulum baharu.</p> <p>Kohort pelajar yang telah berada dalam sistem boleh mengguna pakai kurikulum sebelum ketetapan baharu terpakai seperti mana yang dinyatakan dalam surat tawaran pelajar atau perjanjian antara pelajar dan PPT.</p> <p>Walau bagaimanapun, tiada halangan sekiranya PPT ingin mengguna pakai kurikulum baharu kepada kohort pelajar sedia ada jika tidak membebankan atau berdasarkan persetujuan pelajar.</p> |
| 2.   | 1 Julai 2021                                   | Pengambilan pelajar bagi <b>semua program yang telah mendapat Akreditasi Sementara dan Akreditasi Penuh</b> perlu memenuhi kelayakan masuk berdasarkan standard program.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                   |
| 3.   | 1 Julai 2021                                   | Semua <b>program baharu yang memohon Akreditasi Sementara</b> perlu mematuhi standard program.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                             |

8. Standard Program: Pengajian Halal boleh dirujuk dan dimuat turun melalui portal MQA, [www.mqa.gov.my](http://www.mqa.gov.my)

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Yang benar,



**PROF. DATO' DR. HUSAINI BIN OMAR**

s.k.:

1. YBhg. Ketua Setiausaha  
Pejabat Ketua Setiausaha  
Kementerian Pengajian Tinggi  
Aras 17, No. 2, Menara 2  
Jalan P5/6, Presint 5  
**62200 W.P. PUTRAJAYA**
2. YBhg. Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi  
Jabatan Pendidikan Tinggi  
Kementerian Pengajian Tinggi  
Aras 9, No. 2, Menara 2  
Jalan P5/6, Presint 5  
**62200 W.P. PUTRAJAYA**
3. YBhg. Ketua Pengarah  
Jabatan Pendidikan Politeknik & Kolej Komuniti  
Kementerian Pengajian Tinggi  
Aras 5, Galeria PjH, Jalan P4w  
Persiaran Perdana, Presint 4  
**62100 W.P. PUTRAJAYA**
4. SUSK YB Menteri Pengajian Tinggi  
Pejabat Menteri Pengajian Tinggi  
Kementerian Pengajian Tinggi  
Aras 18, No. 2, Menara 2  
Jalan P5/6, Presint 5  
**62200 W.P. PUTRAJAYA**
5. Ketua Eksekutif  
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)  
Tingkat Bawah, Menara PTPTN  
Blok D, Megan Avenue II  
No.12, Jalan Yap Kwan Seng  
**50450 W.P. KUALA LUMPUR**
6. Ketua Pegawai Eksekutif  
Education Malaysia Global Services (EMGS)  
Tingkat 20, Menara TA One  
22 Jalan P Ramlee  
**50250 W.P. KUALA LUMPUR**
7. Sekretariat  
Jawatankuasa Naib Canselor/Rektor Universiti Awam (JKNC/R UA)  
Pejabat Naib Canselor  
Universiti Teknologi Malaysia  
**81310 SKUDAI, JOHOR**

8. Sekretariat  
Jawatankuasa Timbalan-Timbalan Naib Canselor/Rektor (Akademik & Antarabangsa) (JKTNCRA IPTA)  
Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)  
Aras 4, Canselori Tuanku Syed Sirajuddin  
Universiti Teknologi MARA  
**40450 SHAH ALAM, SELANGOR**
9. Sekretariat  
Majlis Dekan Pengajian Siswazah Universiti Awam  
Pusat Pengajian Siswazah  
Universiti Malaysia Kelantan  
Karung Berkunci 36  
**16100 PENGKALAN CHEPA, KELANTAN**
10. Sekretariat  
Majlis Naib Canselor IPTS (Vice Chancellors Council for Private University, VCCPU)  
Pejabat Presiden  
Universiti Multimedia  
Persiaran Multimedia  
**63100 CYBERJAYA, SELANGOR**
11. Presiden  
Persatuan Kebangsaan Institusi Pengajian Tinggi Swasta Bumiputera Malaysia (PKIBM)  
c/o Pejabat Komunikasi Korporat, Kumpulan Pendidikan Uniti  
Pt 7445 & Pt 7446, Jalan Bbn1/2h, Putra Point 1  
Bandar Baru Nilai 1  
**71800 NILAI, NEGERI SEMBILAN**
12. Presiden  
Malaysian Association of Private Colleges and Universities (MAPCU)  
c/o Asia Pacific Institute of Information Technology (APIIT)  
Jalan Inovasi 1, Techonology Park Malaysia  
Bukit Jalil  
**57000 KUALA LUMPUR**
13. Presiden  
National Association of Private Educational Institutions (NAPEI)  
A-1-3, Block A, 8 Avenue, Jalan Sungai Jernih 8/1  
**46050 PETALING JAYA, SELANGOR**